

**NO. SOALAN : 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[IPOH BARAT]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah "Persidangan Kebangsaan Mengenai Pertumbuhan dan Keterangkuman (*National Conference On Growth and Inclusiveness*) berjaya menyediakan cadangan untuk mentransformasi ekonomi kaum India menjelang 2020. Apakah cadangan yang telah diterima serta apakah langkah proaktif Kerajaan untuk membangunkan ekonomi kaum India di Malaysia.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Persidangan Kebangsaan Mengenai Pertumbuhan dan Keterangkuman (*National Conference on Growth and Inclusiveness*) yang telah diadakan pada 15 Oktober 2014, telah berjaya menjadi platform yang berkesan untuk membincangkan isu-isu semasa mengenai status sosioekonomi masyarakat India di Malaysia. Pelbagai cadangan dan pandangan yang berasas telah dikongsi bersama dalam membangunkan rangka kerja yang mampan untuk memperkuatkan ekonomi masyarakat India, terutamanya isi rumah kumpulan berpendapatan 40% terendah (B40).

Antara cadangan yang dikemukakan bagi mentransformasi ekonomi kaum India menjelang 2020 adalah:

- (i) Menjalankan kajian menyeluruh mengenai perkembangan ekonomi dan sosial masyarakat India di kawasan bandar;
- (ii) Menjalankan *community profiling* (dengan izin) terutamanya di kawasan perumahan kos rendah yang terdedah kepada gejala sosial bagi mengenal pasti kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan fasiliti yang disediakan oleh Kerajaan;
- (iii) Menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam membantu golongan berpendapatan rendah; dan

- (iv) Penempatan pegawai kaum India di daerah-daerah dengan populasi penduduk kaum India yang tinggi supaya keperluan masyarakat setempat dapat difahami dengan mudah dan mendalam di samping menyampaikan panduan kepada penerima secara efektif.

Tuan Yang Dipertua,

Persidangan tersebut adalah amat membantu Kerajaan dalam menyediakan rancangan untuk membantu masyarakat India. Secara keseluruhannya cadangan-cadangan yang dikemukakan meliputi pendidikan, pembangunan keusahawanan dan pertanian, keperluan perumahan dan menangani permasalahan sosial di kalangan masyarakat India.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi membantu masyarakat India dalam pelbagai bidang terutama dalam pendidikan, pembangunan keusahawanan, latihan kemahiran dan keperluan perumahan untuk kumpulan berpendapatan rendah. Malahan Kerajaan telah mewujudkan Unit Khas Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan program dan inisiatif khusus yang berkaitan dengan masyarakat India. Peruntukan khas di bawah Program Peningkatan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) telah disediakan bagi membantu dari aspek latihan dan pembangunan keusahawanan serta bertanggungjawab memantau pelaksanaan program dan keberkesanannya program tersebut. SEDIC dengan kerjasama agensi Kerajaan yang lain,

Badan Bukan Kerajaan dan pihak swasta akan terus berusaha mengenal pasti dan mengambil inisiatif khusus membantu kumpulan berpendapatan rendah dan seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India.

Cadangan daripada persidangan tersebut yang telah dikemukakan kepada Kerajaan telah dijadikan sebagai input dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi membantu masyarakat India.

Sekian, terima kasih.